

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 28

Bantuan digital, teknologi guna platform tunggal

Bantuan digital, teknologi guna platform tunggal

Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk mengumpul semua insentif serta bantuan berkaitan digital dan teknologi di bawah satu pendekatan dasar tetingkap tunggal.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata pendekatan sedemikian penting untuk memastikan insentif dan bantuan yang dilaksanakan mencapai sasarannya dan memberi manfaat besar kepada rakyat, perniagaan dan industri secara keseluruhan.

Beliau berkata, pada masa ini, terdapat banyak insentif dan

bantuan disediakan pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan dan ia membabitkan pelbagai peringkat.

Justeru, katanya, dengan adanya sistem semuka tunggal membolehkan syarikat pemula teknologi untuk memohon bantuan atau insentif diperlukan menerusi satu platform saja, tanpa pergi ke pelbagai kementerian dan agensi.

Jelasnya, Kementerian Ekonomi bersama KKD dan MOSTI, akan membawa semua agensi berkaitan bersama-sama untuk membincangkan dan memetakan keseluruhan proses dan menentukan kementerian dan

agensi yang bertanggungjawab melaksanakan proses yang berkaitan memastikan kelancaran pelancaran penyatuan insentif.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan KKD dan MOSTI dan semua agensi untuk mengemukakan kemajuannya. Kami sasar (mengumumkan kemajuan itu) menjelang Ogos ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Forum Ekonomi Nasional 2023 anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), semalam.

Hadir sama, Presiden NCCIM, Tan Sri Soh Thian Lai.

Rafizi berkata, semakin jelas kini, pelaburan yang banyak dalam ekonomi digital dan hijau adalah laluan yang betul menuju ke depan.

Beliau berkata, bukti juga semakin meningkat di seluruh dunia bahawa teknologi digital menyumbang kepada pertumbuhan, produktiviti, pekerjaan dan pengurangan kemiskinan.

Katanya, semua itu adalah amat penting bagi negara seperti Malaysia, yang mana pertumbuhan produktiviti agak ketinggalan berbanding negara setara lain sebelum pandemik lagi.

Tegasnya, pentadbiran semasa akan terus mewujudkan eko-

sistem digital yang menyediakan infrastruktur, platform dan rangka kerja untuk melindungi pengguna dan meningkatkan perniagaan digital.

"Penekanan Kementerian Ekonomi terhadap data terbuka dan berpusat juga asas supaya data tersedia secara meluas dan boleh diakses.

"Kerajaan yang dibina atas data terbuka lebih berkemungkinan untuk membuat kebaikan, keputusan bersandarkan data.

"Masyarakat yang diasaskan atas data berpusat dan telus berkemungkinan besar akan membangunkan produk yang digunakan secara meluas," katanya.